Model Kompetensi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan Pengukuhan Program *Engineer* Huffaz di Universiti Malaysia Pahang

Rashidi Abbbas

Centre for Modern Languages & Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan, Pahang.

rashidi@ump.edu.my

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis model kompetensi pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta model pengukuhan program *Engineer* Huffaz di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Kajian ini melibatkan seramai 20 orang responden terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, Elektrik, Sains Komputer dan Kejuruteraan Kimia. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik induktif–deduktif untuk menghasilkan model pengukuhan dan kompetensi program *Engineer* Huffaz serta menggunakan kaedah reka bentuk dan pembangunan yang dibangun oleh Ritchey dan Klien (2007). Dapatan kajian menunjukkan model pengukuhan *Engineer* Huffaz dibangun melalui model Huffaz-M (3M) iaitu menghafal, murajaah (mengulang) dan muzakarah (mengingat). Melalui model Huffaz-M lahirlah model kompetensi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran program *Engineer* Huffaz iaitu 1Q2T: membaca (Qiraah), memahami (Tilawah) dan menghafal (Tahfiz). Menerusi model 1Q2T akan dapat membantu melahirkan huffaz profesional untuk memenuhi aspirasi negara dalam rangka melahirkan 125,000 huffaz menjelang 2025.

Kata Kunci: Huffaz, Jurutera, Model kompetensi

Huffaz Engineering Programme Teaching and Learning and Enhancement Competency Model at Universiti Malaysia Pahang

This study aims to investigate and analyse *Huffaz* engineering programme teaching and learning (T&L), and enhancement competency model at Universiti Malaysia Pahang. The study involved 20 respondents who were from Bachelor Degree in Mechanical, Electrical, Computer Science and Chemical Engineering. The research design included the inductive-deductive technique to produce enhancement and competency model for *Huffaz* engineering programme, as well as the design and developmental research approach by Ritchey dan Klien (2007). Findings showed the enhancement model for Huffaz engineering was developed in three models (Huffaz-M (3M)) namely through memorisation, reiteration (*Murajaah*) and remembrance (*Muzakarah*). Through the Huffaz-M model, the students' competency model in teaching and learning (T&L) *Huffaz* engineering programme was developed i.e. 1Q2T: recitation (Qiraah), understanding (Tilawah) and memorisation (Tahfiz). 1Q2T model is anticipated to aid the country's aspiration in its aim to proliferate 125, 000 professional Huffaz by 2025.

Keywords: Competency model, Engineer, *Huffaz*